



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH

KELAS PERALIHAN

BAHASA MELAYU

2003



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH

KELAS PERALIHAN

BAHASA MELAYU

2003

ISI KANDUNGAN

RUKUN NEGARA	i
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	ii
KATA PENGANTAR	iii
PENDAHULUAN	1
MATLAMAT	2
OBJEKTIF	2
ORGANISASI KANDUNGAN	3
SISTEM BAHASA	6
PENGISIAN KURIKULUM	10
PENERANGAN TENTANG HURAIAN SUKATAN PELAJARAN	13
STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	16
KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR	19
KEMAHIRAN MEMBACA	48
KEMAHIRAN MENULIS	62

MUKA SURAT

i
ii
iii
1
2
2
3
6
10
13
16
19
48
62

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut :

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Faisafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad ke-21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merakumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun, dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharapkan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberikan penekanan pada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran secara kontekstual. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberikan keyakinan kepada murid dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.


Huraian Sukatan pelajaran ini menjelaskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid berasaskan pendekatan masteri. Hasil pembelajaran tersebut dinyatakan secara eksplisit mengikut tahap kesukaran isi kandungan dan tahap keupayaan murid. Hasil pembelajaran diperingkan kepada tiga

aras, iaitu Aras 1(aras asas), Aras 2 (aras sederhana), dan Aras 3 (aras cemerlang).

Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan memberi penekanan pada kemahiran bahasa dan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Di samping itu, aspek strategi pengajaran yang mengambil kira penggabungjalinan dan penyerapan ilmu turut diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah. Huraian ini seharusnya dapat membantu guru merencanakan suatu pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif, berkesan dan bermakna.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran yang disemak semula ini banyak pihak yang terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti, pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya dokumen ini, Kementerian Pendidikan merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.



(**Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZAIN**)

Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah sebagai mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan.

Kurikulum Bahasa Melayu digubal bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid untuk menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Murid mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu memberikan penekanan pada kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Di samping itu, Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan ini mengandungi 3 lajur, iaitu lajur hasil pembelajaran, lajur huraian hasil pembelajaran dan lajur cadangan aktiviti/nota. Lajur hasil pembelajaran menggariskan pernyataan hasil pembelajaran dan kemahiran yang perlu dicapai oleh murid dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini. Lajur huraian hasil pembelajaran memperincikan kemahiran berbahasa kepada 3 aras pembelajaran, iaitu Aras 1, Aras 2, dan Aras 3 yang perlu dikuasai oleh murid. Aras 1 ialah aras asas. Aras 2 ialah aras sederhana dan Aras 3 ialah aras cemerlang. Semua murid perlu menguasai Aras 1, seterusnya murid dikehendaki menguasai Aras 2 dan Aras 3 yang lebih mencabar. Lajur cadangan aktiviti/nota menyediakan contoh aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebagai panduan kepada guru. Aktiviti yang disenaraikan hanyalah cadangan bagi aras-aras tertentu yang terdapat dalam huraian sukatan pelajaran ini. Cadangan aktiviti yang disenaraikan tidak mampu mencakupi keperluan bagi setiap situasi pengajaran dan pembelajaran. Dengan ini, penting bagi setiap guru memilih dan menyesuaikan cadangan aktiviti dengan profil murid dan keadaan setempat. Guru juga disarankan menggunakan pelbagai teknik atau aktiviti yang bersesuaian dengan tahap kemampuan murid.

Huraian Sukatan Pelajaran ini mengandungi Matlamat, Objektif, dan Organisasi Kandungan. Organisasi Kandungan merangkumi Kemahiran Bahasa, Sistem Bahasa, Hasil Pembelajaran, dan Pengisian Kurikulum.

MATLAMAT

Matlamat Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri untuk memperoleh ilmu dan pengetahuan, perhubungan sosial, dan urusan harian.

OBJEKTIF

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan murid dapat:

- i. mendengar dengan teliti serta memahami dan menghayati pengucapan dalam konteks perbualan harian dan situasi formal;
- ii. bertutur dengan petah menggunakan sebutan dan intonasi yang betul dalam pelbagai situasi untuk menjalinkan hubungan sosial dan berurusan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan;
- iii. berbincang dan berkongsi pendapat untuk menyelesaikan masalah, mencapai persetujuan, dan membuat keputusan tentang sesuatu perkara;
- iv. membaca pelbagai bahan sastera dan bukan sastera dengan menggunakan teknik membaca yang berkesan untuk memahami, memperoleh ilmu dan memproses maklumat secara kritis;
- v. menyemai budaya membaca sebagai satu amalan dalam kehidupan ke arah membina budaya pembelajaran berterusan;
- vi. melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kritis dan kreatif serta berkesan dalam pelbagai situasi;
- vii. memperkembang kekuatan imaginasi, kreativiti, pemikiran kritis, dan penghayatan nilai murni melalui aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis;

- viii. mengenali dan menghasilkan pelbagai jenis penulisan bentuk kreatif dan berunsur pengetahuan dengan menggunakan kemahiran menulis serta proses penulisan yang sesuai dan betul;
- ix. menggunakan bahasa baku yang meliputi ejaan, kosa kata, tatabahasa dan sebutan yang betul dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis;
- x. menghargai dan menghayati keindahan bahasa melalui karya sastera dan karya berunsur ilmu; dan
- xi. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik dan perasaan cinta akan negara.

ORGANISASI KANDUNGAN

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan digubal dengan memberi fokus pada hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Hasil pembelajaran ini berteraskan kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Hasil pembelajaran menggabungkan peraturan dalam sistem bahasa dan disokong oleh elemen pengisian kurikulum.

Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu ini meliputi Kemahiran Bahasa, Hasil Pembelajaran, Sistem Bahasa, dan Pengisian Kurikulum. Semua perkara ini dinyatakan di bawah:

Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran bahasa merupakan teras kepada penguasaan bahasa baku.

Kemahiran Mendengar

Kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti dan memahami perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan.

Kemahiran Bertutur

Kemahiran bertutur merujuk kepada keupayaan murid menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis dan kreatif secara lisan dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan pada penggunaan pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang sesuai.

Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik membaca.

Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan untuk menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif. Bagi menghasilkan penulisan mencakup jenis karangan keperihalanan, fakta dan cereka yang panjang minimumnya 80 patah perkataan.

Penguasaan kemahiran bahasa memerlukan kepelbagaian situasi dan konteks yang meliputi bentuk prosa, puisi, dan grafik. Bentuk prosa, puisi dan grafik yang dicadangkan bagi pendidikan Bahasa Melayu Kelas Peralihan adalah seperti yang berikut;

Prosa :

- pesanan, pengumuman, berita, rencana, laporan, ucapan, temu ramah, dan surat.
- cerpen, novel, dan drama

Puisi :

- pantun, syair, dan sajak

Grafik :

- borang, jadual, peta, rajah, dan gambar

Hasil Pembelajaran

Hasil pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum bahasa. Pernyataan hasil pembelajaran merupakan petunjuk yang jelas tentang apa yang boleh dicapai oleh murid. Oleh itu, hasil pembelajaran memerlukan pendekatan yang berfokus pada gaya pembelajaran murid. Justeru, hasil pembelajaran dapat membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran yang relevan dan berkesan. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, hasil pembelajaran dapat dicapai dengan menggabungkan kemahiran bahasa, sistem bahasa dan pengisian kurikulum. Pendekatan yang berfokus pada gaya pembelajaran yang pelbagai juga dapat membantu murid mencapai hasil pembelajaran. Selain itu, hasil pembelajaran juga membantu dalam membuat pengukuran dan penilaian pencapaian murid.

Sistem Bahasa

Sistem bahasa terdiri daripada tatabahasa, kosa kata, peribahasa, ejaan, dan sebutan dan intonasi. Pelaksanaan sistem bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku.

Pengisian Kurikulum

Pengisian kurikulum terdiri daripada elemen yang mencantumkan perkembangan terkini dalam pendidikan meliputi aspek ilmu, nilai, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran secara kontekstual. Semua elemen ini dapat diaplikasikan oleh murid dalam hidupan harian dan alam pekerjaan. Di samping itu, pendidikan nilai, kewarganegaraan, dan patriotisme diberikan penekanan selaras dengan matlamat negara untuk membangunkan masyarakat madani.

SISTEM BAHASA

Sistem bahasa berfokus pada pengajaran dan pembelajaran tatabahasa, ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata, dan peribahasa. Penerangan ringkas bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah.

1.0 Tatabahasa

Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks untuk ketepatan berbahasa. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

1.1 Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk kata, dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama. Aspek morfologi yang diberikan tumpuan ialah:

- a. Struktur kata yang merujuk kepada pola suku kata bagi:
 - i. kata asli bahasa Melayu
 - ii. kata terbitan bahasa Melayu
- b. Bentuk kata terdiri daripada:
 - i. kata tunggal
 - ii. kata terbitan
 - iii. kata ganda
 - iv. kata majmuk
 - Proses pembentukan kata meliputi:
 - i. pengimbuhan
 - ii. penggandaan
 - iii. pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan kata di atas, yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari sudut bentuk dan makna, termasuk aspek baru dalam proses pengimbuhan.

- c. Golongan kata terdiri daripada:
 - i. kata nama
 - ii. kata kerja
 - iii. kata adjektif
 - iv. kata tugas

1.2 Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan ialah:

- a. Unsur utama ayat yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat
- b. Jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan
- c. Ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif
- d. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang
- e. Binaan ayat:
 - i. ayat dasar
 - ii. ayat tunggal
 - iii. ayat terbitan atau ayat majmuk
- f. Proses penerbitan ayat:
 - i. konsep ayat terbitan
 - ii. proses pengguguran
 - iii. proses penyusunan semula
 - iv. proses peluasan
- g. Aspek tanda baca

2.0 Sistem Ejaan

Perkara yang ditekankan ialah:

- a. pola keselarasan huruf vokal
- b. ejaan kata pinjaman
- c. ejaan kata dasar dan kata terbitan

3.0 Sebutan dan Intonasi

Kemahiran yang dipupuk ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan sesuatu maksud dengan tepat.

a. Sebutan

Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut sesuatu kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah sebutan bahasa Melayu baku.

b. Intonasi

Intonasi ayat bahasa Melayu hendaklah diajarkan mengikut pola ayat yang berikut:

- i. ayat nyata
- ii. ayat tanya
- iii. ayat perintah
- iv. ayat seruan
- v. ayat terbalik atau ayat songsang
- vi. ayat aktif
- vii. ayat pasif

Pola intonasi bagi ayat yang panjang juga perlu diajarkan agar murid dapat menyampaikan maksud dengan jelas.

4.0 Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu dipertingkatkan dan diperkembang agar murid dapat mengungkapkan maklumat dan buah fikiran selaras dengan pertambahan ilmu dalam mata pelajaran peringkat sekolah menengah.

5.0 Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan, dan kata hikmat yang perlu diajarkan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian dan nilai murni masyarakat Malaysia.

Nota:

- *Buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (Edisi 1993) ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.*
- *Buku Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia (Edisi 2001) ialah buku panduan ejaan yang menjadi rujukan dalam pembelajaran dan pengajaran.*

PENGISIAN KURIKULUM

Terdapat beberapa elemen dalam pengisian kurikulum, iaitu pengetahuan daripada pelbagai bidang ilmu, nilai, peraturan sosiobudaya, kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran secara kontekstual.

1.0 Ilmu

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu sains, geografi dan lain-lain yang boleh digunakan untuk memperkembang ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Pengetahuan juga termasuk perkara semasa yang boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

2.0 Nilai

Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni bertujuan untuk membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia, Kepentingan dan pemahaman bahawa Malaysia adalah negara pelbagai budaya harus dipupuk secara langsung dan tidak langsung. Ini seterusnya dilanjutkan kepada pemahaman di peringkat antarabangsa selaras dengan keperluan globalisasi.

3.0 Kewarganegaraan

Unsur patriotisme dan kewarganegaraan yang diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran memberikan penekanan pada pemupukan semangat cinta dan taat akan tanah air. Di samping itu, pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen individu terhadap bangsa dan negara.

4.0 Peraturan Sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya dalam pembelajaran Bahasa Melayu meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa, dan peribahasa. Peraturan ini juga merangkumi nilai murni masyarakat Malaysia.

5.0 Kemahiran Bernilai Tambah

Kemahiran bernilai tambah mengutamakan pengalaman di bilik darjah yang sesuai dengan situasi kehidupan dunia sebenar murid serta senario dunia yang global. Sehubungan dengan itu, kurikulum Bahasa Melayu menyepadukan kemahiran lain agar memenuhi keperluan semasa pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran bernilai tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, dan kecerdasan pelbagai pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual.. Penerangan ringkas tentang kemahiran bernilai tambah dinyatakan di bawah.

5.1 Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

5.2 Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka boleh menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugas harian, dan memperoleh maklumat daripada internet.

5.3 Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah, dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

5.4 Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pembelajaran untuk membolehkan murid menyedari sesuatu isu atau permasalahan yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya murid mendapat manfaat yang maksimum.

5.5 Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai merangkumi verbal-linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, ruang, interpersonal, intrapersonal, dan naturalis. Oleh itu, guru perlu mengembangkan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

5.6 Pembelajaran Secara Konstruktivisme

Pembelajaran secara konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, lebih yakin dan lebih seronok untuk terus belajar sepanjang hayat.

5.7 Pembelajaran Secara Kontekstual

Pembelajaran secara kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang menggabungkan isi pelajaran dengan pengalaman harian murid, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran kontekstual disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkrit serta melibatkan latihan amal, dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baru secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dengan kehidupan mereka.

PENERANGAN TENTANG HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu menekankan kemahiran bahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran bahasa menjadi asas pada hasil pembelajaran yang hendak dicapai. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan dipersembahkan dalam tiga lajur, iaitu lajur hasil pembelajaran, huraian hasil pembelajaran, dan cadangan aktiviti/nota. Selain itu, huraian juga menyenaraikan sejumlah hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Setiap hasil pembelajaran dinyatakan dalam bentuk penomboran bagi setiap kemahiran bahasa. Penomboran hasil pembelajaran adalah seperti yang berikut:

Kemahiran Mendengar dan Bertutur	Penomboran Hasil Pembelajaran	
	1.0	1.1, 1.2, 1.3, 1.4, 1.5, 1.6, 1.7
	2.0	2.1, 2.2, 2.3
	3.0	3.1, 3.2, 3.3,
	4.0	4.1, 4.2, 4.3, 4.4,
Kemahiran Membaca	Penomboran Hasil Pembelajaran	
	5.0	5.1, 5.2,
	6.0	6.1, 6.2, 6.3, 6.4, 6.5
	7.0	7.1, 7.2, 7.3
Kemahiran Menulis	Penomboran Hasil Pembelajaran	
	8.0	8.1, 8.2, 8.3, 8.4, 8.5
	9.0	9.1, 9.2, 9.3,
	10.0	10.1, 10.2, 10.3,
	11.0	11.1, 11.2, 11.3, 11.4

Selain daripada penomboran bagi hasil pembelajaran, Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kelas Peralihan dipaparkan dalam bentuk lajur tertentu. Lajur pertama ialah pernyataan hasil pelajaran yang hendak dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran . Lajur kedua ialah huraian hasil pembelajaran dan lajur ketiga ialah lajur cadeangan aktiviti/nota.

Lajur 1: Hasil Pembelajaran

Lajur ini merupakan pernyataan yang hendak dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

Lajur 2: Huraian Hasil Pembelajaran.

Lajur ini memberikan perincian kepada hasil pembelajaran pada Lajur 1 perincian ini dibahagikan kepada tiga aras iaitu:

Aras 3	Aras Cemerlang. Murid yang cemerlang berupaya menguasai Aras 3.
Aras 2	Aras sederhana. Murid yang telah menguasai Aras 2 boleh meneruskan pembelajaran Aras 3.
Aras 1	Aras asas. Murid yang telah menguasai Aras 1 boleh meneruskan pembelajaran Aras 2 dan Aras 3.

Rasional penentuan aras ialah tahap keupayaan murid berbeza-beza. Penentuan aras membolehkan murid yang cemerlang terus maju tanpa mengabaikan murid pencapaian rendah.

Lajur 3: Cadangan Aktiviti/ Nota.

Cadangan aktiviti yang berikut dengan pernyataan aras pada Lajur 2 diberikan dalam Lajur 3. Beberapa maklumat yang berkaitan dengan panduan pengajaran serta sumber yang perlu digunakan dalam penyampaian dan aktiviti yang dicadangkan.

Contoh paparan huraian sukatan pelajaran:

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>1.0 Berinteraksi dengan keluarga, rakan sebaya, dan pihak lain dalam situasi formal dan tidak formal.</p> <p>1.1 Berbual dan menyatakan sesuatu perkara berkaitan kehidupan seharian dengan menggunakan kata, ungkapan, ayat, sebutan, dan intonasi yang sesuai</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Berbual mengenai sesuatu perkara dengan menggunakan kata dan sebutan yang betul</p> <p>ii. Menyapa dan memberi ucapan selamat.</p> <p>iii. Memberikan ucapan penghargaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berbual dengan rakan sekelas mengenai latar belakang diri. Contoh: nama, tempat tinggal, keluarga. • Berbual dalam memberi ucapan selamat. Contoh: Murid: "Selamat sejahtera cikgu" • Memberi ucapan penghargaan seperti syabas, hebat dan tahniah kepada rakan tentang kejayaan diri, keluarga atau masyarakatnya. Contoh: "Syabas atas kejayaan anda!" "Hebat, persembahan anda." "Tahniah atas keputusan yang cemerlang." Nota: Latih tubi ungkapan penghargaan.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pendekatan Berpusatkan Pelajar

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Bahasa Melayu haruslah berpusatkan pelajar bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, pelajar dapat membina keyakinan berbahasa.

Kepelbagaian Teknik

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah menengah menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah mengajar. Guru boleh memilih pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan pelajar. Keberkesanan pengajaran bergantung pada pengolahan teknik dan penggunaan bahan alat bantu dan teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif, berkomunikasi dan berinteraksi.

Kepelbagaian Sumber Bahan

Penggunaan perpustakaan, pusat sumber dan komputer sangatlah digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bahan-bahan sumber seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, internet serta bahan sastera dan bukan sastera hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan juga untuk bacaan luas.

Penggunaan Tatabahasa Yang Tepat

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah menengah menekankan penggunaan tatabahasa mengikut kemampuan pelajar. Untuk mencapai tujuan tersebut, guru perlu merancang dan memilih aspek tatabahasa yang hendak diajarkan berserta contoh penggunaannya dalam pelbagai konteks dan kegiatan bahasa yang bermakna sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Bacaan Luas

Bacaan luas memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan dan membentuk sahsiah yang baik bagi meningkatkan daya berfikir dan minat ingin terus membaca. Bacaan luas boleh dijalankan dalam pendidikan Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan-bahan ilmiah dan sastera. Pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan secara serapan.

PENEKANAN KONSEP 5P

Strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu menekankan konsep penggabungjalinan, pengayaan, penyerapan, pemulihan, dan penilaian. Ini selaras dengan usaha memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Konsep 5P diperincikan seperti yang berikut:

a. Penggabungjalinan

Penggabungjalinan memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses ini, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak. Cara ini juga dapat mengelakkan kebosanan dalam proses pembelajaran. Kemahiran dapat digabungjalinkan, sama ada kemahiran yang terdapat dalam hasil pembelajaran atau kemahiran daripada mata pelajaran lain.

b. Penyerapan

Dalam pengajaran Bahasa Melayu, unsur ilmu, nilai, dan kemahiran bernilai tambah seperti kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran secara kontekstual. Boleh diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dalam mata pelajaran.

c. Pengayaan

Program pengayaan perlu diberi penekanan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah kerana murid berbeza-beza dari segi kebolehan, keupayaan, bakat, dan minat. Murid hendaklah diberi bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan seperti bacaan tambahan, kad, permainan dan bahan aktiviti boleh diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

d. Pemulihan

Program Pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran asas yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan untuk program ini terdiri daripada kad, carta, bahan maujud, alat permainan, dan lain-lain bahan yang boleh digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan program ini mengikut kadar kemampuan murid menguasai sesuatu kemahiran.

e. Penilaian

Penilaian dianggap sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian merupakan aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran atau pembelajaran. Oleh itu, penilaian perlulah dijalankan berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hanya melalui proses penilaian berterusan dapat dipastikan jenis tindakan susulan yang perlu diambil ke atas seseorang murid, sama ada untuk menjalankan pemulihan atau pengayaan, dan setelah itu barulah dapat dipastikan jenis aktiviti pemulihan atau aktiviti pengayaan yang sesuai bagi murid.

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Kemahiran mendengar dan bertutur merujuk kepada keupayaan murid memahami perkara yang didengar dan ditutur dalam pelbagai situasi pengucapan sama ada dalam perbualan harian atau situasi formal. Kemahiran ini bertujuan untuk menimbulkan kemesraan dan mengeratkan persahabatan serta dapat membincangkan topik-topik yang lebih mencabar. Semua perbualan harus mengambil kira aspek sosiobudaya dan tatasusila untuk menjamin kesejahteraan hubungan. Hasil pembelajaran bagi kemahiran mendengar dan bertutur ialah i) berinteraksi, ii) bercerita, iii) menyampaikan maklumat, dan iv) berbincang.

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.0 Berinteraksi dengan keluarga, rakan sebaya, dan pihak lain dalam situasi formal dan tidak formal</p> <p>1.1 Berbual dan menyatakan tentang sesuatu perkara berkaitan kehidupan seharian dengan menggunakan kata, ungkapan, ayat, sebutan, dan intonasi yang sesuai.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Berbual mengenai sesuatu perkara dengan menggunakan kata dan sebutan yang betul.</p> <p>ii. Menyapa dan memberi ucapan selamat.</p> <p>iii. Memberikan ucapan penghargaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berbual dengan rakan sekelas mengenai latar belakang diri. Contoh: nama, tempat tinggal, keluarga. • Berbual dan memberi ucapan selamat. Contoh: Murid: "Selamat sejahtera cikgu." • Memberi ucapan penghargaan seperti syabas, hebat dan tahniah kepada rakan tentang kejayaan diri, keluarga atau masyarakatnya. Contoh: "Syabas atas kejayaan anda!" "Hebat, persembahan anda." "Tahniah atas keputusan yang cemerlang." Nota: Latih tubi ungkapan penghargaan.

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.0 Berinteraksi dengan keluarga, rakan sebaya, dan pihak lain dalam situasi formal dan tidak formal</p> <p>1.2 Bertanya dan menjawab tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mendengar untuk mendapatkan maklumat.</p> <p>ii. Menjawab dengan memberikan penerangan sebagai maklum balas.</p> <p>iii. Mengemukakan soalan aras rendah</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengemukakan pelbagai soalan aras rendah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menceritakan semula cerita yang didengar daripada pita rakaman. • Memberikan maklum balas terhadap cerita yang didengar. Nota: menjawab soalan-soalan yang berkaitan nilai murni. • Menyoal rakan dalam perbualan. Contoh: “Apa yang kamu lakukan selepas itu?” • Menyoal rakan secara berpasangan dengan mengemukakan soalan aras rendah berdasarkan cerita yang didengar. Contoh: apa, siapa, bila, di mana

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Bersoal jawab untuk membuat keputusan.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Mendengar satu cerita yang berunsur penyelesaian masalah dan bersoal jawab untuk membuat keputusan. Contoh: Tajuk cerita : Gagak dan takar air. Bagaimana gagak yang kehausan dapat minum air dalam takar?

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Mentafsir arahan dan pesanan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Mentafsir arahan dan pesanan yang telah dibincangkan dalam kumpulan untuk membuat keputusan. Contoh: Menentukan kuantiti makanan dan peralatan perkhemahan yang diperlukan.

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.0 Berinteraksi dengan keluarga, rakan sebaya, dan pihak lain dalam situasi formal dan tidak formal</p> <p>1.4 Mengemukakan idea dan memberikan pandangan tentang perkara yang dibualkan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan idea dan pandangan tentang sesuatu perkara yang diperkatakan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menyatakan idea dan pandangan dengan alasan tentang perkara yang diperkatakan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan tentang sesuatu perkara yang terdapat dalam gambar menggunakan laras bahasa yang sesuai dan bertatasusila. Contoh: Kita perlu prihatin terhadap warga tua kerana mereka telah banyak berjasa dan berkorban untuk kita. • Menjelaskan idea tentang sesuatu perkara yang diperkatakan. Contoh: Hubungan erat antara polis dengan sekolah perlu ditingkatkan kerana dapat mengatasi masalah jenayah di kalangan murid.

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Menyatakan idea dan pandangan dengan bukti yang relevan tentang perkara yang diperkatakan.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Menghuraikan idea dan pandangan dengan data yang relevan tentang perkara yang diperkatakan. Contoh: Kerajaan patut membina lebih banyak rumah kos rendah di Kuala Lumpur bagi mengatasi masalah setinggan kerana penghuninya melebihi 2 juta orang.

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.0 Berinteraksi dengan keluarga, rakan sebaya, dan pihak lain dalam situasi formal dan tidak formal</p> <p>1.5 Memberikan penjelasan tentang sesuatu perkara yang tersurat dan tersirat dengan menggunakan kata, ungkapan dan ayat yang sesuai.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mentafsir dan menjelaskan maksud gerak badan dan mimik muka yang ditunjukkan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mendengar perbezaan intonasi dalam perbualan untuk menjelaskan kelainan maksud dalam ayat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Meneka maksud aksi gerak badan dan mimik muka Contoh: Mimik muka yang menggambarkan kegembiraan atau kesedihan. • Menjelaskan perbezaan intonasi ayat yang digunakan dalam dialog ringkas. Contoh: Ali sedang minum air. (ayat penyata) Ali sedang minum air? (ayat tanya)

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Menyatakan maksud tersirat, kata, rangkai kata dan ayat dalam perbualan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan maksud peribahasa yang terdapat dalam perbualan. Contoh: <ul style="list-style-type: none"> i. Guru: Tulisan awak macam <i>cakar ayam</i>. Murid B : Maksud cikgu, tulisan saya sukar dibaca? ii. Guru : "<i>Kayuhlah basikal itu laju-laju lagi dalam kawasan sekolah.</i> (maksud tersirat yang hendak disampaikan oleh guru ialah melarang murid daripada mengayuh basikal dengan laju di kawasan sekolah) <p>Nota: penggunaan peribahasa boleh didedahkan kepada murid :</p> <ul style="list-style-type: none"> - bahasa kiasan - bidalan - simpulan bahasa - perumpamaan

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.0 Berinteraksi dengan keluarga, rakan sebaya, dan pihak lain dalam situasi formal dan tidak formal</p> <p>1.6 Menyatakan permintaan secara berterus terang dan meyakinkan dengan menggunakan intonasi dan paralinguistik yang sesuai untuk menguatkan permintaan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan sesuatu permintaan dengan memberikan alasan yang kukuh secara sopan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengemukakan permintaan yang jelas dengan memberikan maklumat yang relevan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti tempat-tempat pelancongan di Malaysia melalui brosur pelancongan dan menyatakan permintaan untuk melawat tempat tersebut dengan alasan yang kukuh. Contoh: Kami telah mempelajari tentang zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Justeru, kami ingin melawat dan melihat kesan sejarahnya. • Mengemukakan beberapa keistimewaan destinasi lawatan yang dipilih. Contoh: Tolong bawa kami bercuti ke air terjun Lata Kinjang, di Perak kerana terdapat banyak keistimewaannya seperti tempat rekreasi, air terjun yang tinggi dan berhampiran dengan pusat peranginan Cameron Highland, di Pahang.

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Mengemukakan hasrat dengan memberi pertimbangan semua aspek secara sopan.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Berbincang untuk menyatakan hasrat dan membuat keputusan pemilihan destinasi dengan mengambil kira semua faktor. Contoh: Kami tertarik mendengar cerita ketakjuban Gua Mulu, Sarawak dan ingin tahu cara mudah untuk melancong ke sana. Nota: Meminta dengan penuh ekspresi.

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1.0 Berinteraksi dengan keluarga, rakan sebaya, dan pihak lain dalam situasi formal dan tidak formal</p> <p>1.7 Menyatakan sesuatu kemahuan semasa menjalankan transaksi dalam urusan harian untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan kata dan ungkapan yang sesuai untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengemukakan ayat yang sesuai untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Mengemukakan ayat dan laras bahasa yang sesuai untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berlakon secara spontan situasi ketika berurusan di kedai buku sekolah. Contoh: “Encik, saya hendak membeli sekotak pensil warna.” • Melakukan main peranan antara doktor dan pesakit. Contoh: Doktor : Awak sakit apa? Pesakit : Saya demam. Saya memerlukan rawatan. • Melakukan main peranan di kaunter pos, perbualan antara pengguna dengan kerani di kaunter berhubung urusan mengirim barangan dan perkhidmatan. Contoh: “Saya ingin mengedposkan barang ini ke Melaka. Berapakah bayaran perkhidmatan pos laju yang dikenakan?”

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>2.0 Bercerita, dan melaporkan sesuatu perkara yang didengar, ditonton, dibaca, dan dialami.</p> <p>2.1 Bercerita dengan menggunakan kata, frasa, ayat serta sebutan dan intonasi yang baik dan jelas.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menceritakan semula sesuatu perkara yang didengar, ditonton, dan dialami.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mempersembahkan cerita dengan sebutan, intonasi, dan gaya penyampaian yang baik.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menceritakan semula drama yang didengar daripada pita rakaman. Nota: i. Guru menentukan tugas sebelum mendengar. ii. Diperdengarkan rakaman sebanyak dua kali. • Mempersembahkan cerita dengan sebutan, intonasi, dan gaya penyampaian yang baik. Nota: menilai gaya penyampaian murid dari segi <ol style="list-style-type: none"> 1. suara 2. mimik muka 3. gerak badan 4. meniru suara watak

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Menjelaskan pengajaran cerita yang didengar, ditonton dan dialami.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Berbincang dalam kumpulan untuk mencari pengajaran dalam cerita dan membentangkan hasil perbincangan.

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>2.0 Bercerita dan melaporkan sesuatu perkara yang didengar, ditonton, dibaca, dan dialami.</p> <p>2.2 Bercerita tentang sesuatu perkara atau kejadian yang dialami dengan jelas dan teratur.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Berceritakan tentang sesuatu perkara yang dialami dengan menggunakan bahasa yang betul.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengulas sesuatu perkara atau kejadian yang dialami dengan menggunakan bahasa yang betul.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Mencerita tentang sesuatu peristiwa dengan urutan yang betul dan penuh penghayatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menceritakan pengalaman yang pernah dialami. Contoh: Pengalaman hari pertama mendaftar di sekolah. • Membicarakan perkara atau kejadian yang dialami dengan lebih terperinci. Contoh: Menghuraikan dengan lebih lanjut tentang suasana dan persekitaran sekolah pada hari pendaftaran. • Menceritakan dengan gaya dan aksi yang sesuai tentang pengalaman yang telah dialami. Contoh: Pengalaman menyertai perbarisan pada hari kemerdekaan.

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>2.0 Bercerita dan melaporkan sesuatu perkara yang didengar, ditonton, dibaca, dan dialami.</p> <p>2.3 Melaporkan sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang sesuai dan tepat.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengemukakan idea dan isi dalam bentuk ringkasan atau sinopsis daripada bahan yang didengar, dibaca dan ditonton.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menyampaikan idea dan isi secara jelas.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Membentangkan laporan dengan idea yang jelas, isi yang padat dan terperinci serta laras bahasa yang sesuai.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan idea dan isi yang terdapat dalam teks yang dibaca dalam bentuk sinopsis. • Mengumpulkan dan menyatakan idea tentang sesuatu tajuk dengan isi yang padat. Contoh: Faedah menggunakan komputer dalam pembelajaran. • Membuat kajian tentang sesuatu topik secara jelas dan terperinci dan laras bahasa serta membentangkannya. Contoh: Melaporkan bilangan murid dan guru lelaki dan perempuan serta bilangan bilik darjah yang terdapat di sekolah.

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>3.0 Menyampaikan maklumat dalam pengucapan yang mudah, betul, menarik dan berkesan</p> <p>3.1 Memilih dan menggunakan kata, istilah, frasa, dan ayat yang tepat untuk menyampaikan maklumat dengan laras bahasa yang betul.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyampaikan pengumuman dengan menggunakan kata, sebutan dan intonasi yang betul.</p> <p>ii. Menyampaikan ucapan menggunakan kata, istilah, frasa, dan ayat dengan sebutan serta intonasi yang betul.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Simulasi menggunakan kata dan ayat yang sesuai untuk menyampaikan pengumuman. Contoh: Diumumkan bahawa murid yang terlibat dalam acara balapan dan padang dikehendaki menghadiri sesi latihan jam dua petang pada hari ini. • Main peranan menyampaikan ucapan dalam sesuatu majlis. Contoh: kata - "Tuan-tuan dan puan-puan" frasa - "Yang dihormati ..." ayat - "Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih atas jemputan ini."

KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 2</p> <p>i. Menyampaikan syarahan dengan petah menggunakan perkataan, ayat, intonasi, dan gaya persembahan yang berkesan.</p> <p>ii. Mengacarakan sesuatu majlis di sekolah.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menyampaikan ceramah sesuatu topik berdasarkan maklumat yang diperoleh dengan laras bahasa yang betul.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan perkataan, intonasi, nada suara dan gaya persembahan yang berkesan untuk menyampaikan syarahan. Nota: Teks syarahan telah diberi terlebih dahulu. • Simulasi menggunakan kata dan ayat yang sesuai untuk mengacarakan sesuatu majlis. Contoh: <i>Kata-kata aluan mengikut protokol</i> - “Yang berbahagia Tuan Pegawai Pendidikan Daerah, Yang berusaha Tuan Pengetua, guru-guru, tuan-tuan dan puan-puan serta rakan-rakan...” • Berbincang dalam kumpulan untuk mencari maklumat berkaitan sesuatu topik ceramah dan menyampaikannya mengikut laras bahasa yang telah ditetapkan. Contoh: Kepentingan sains dalam kehidupan.